

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUITTHO.PB/10.12/04 (12)

29 September 2003

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2003

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

**KADAR ELAUN MENGHADIRI SEMINAR / MEMBENTANG KERTAS KERJA
SEMINAR DI LUAR NEGERI**

1.0 Pendahuluan

Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua Pusat Tanggungjawab menguruskan penyertaan staf dalam menghadiri seminar / membentang kertas seminar di luar negeri. Ini adalah meliputi tambang kapal terbang, elaun makan, hotel/loging dan lain-lain.

2.0 LatarBelakang

- 2.1 Peraturan sekarang ialah mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2003, Surat Pekeliling Am Bil 6 tahun 1984 dan surat bil. PMS (S) 17050 bertarikh 7 April 1986.
- 2.2 Berdasarkan pekeliling tersebut, adalah didapati ianya melibatkan perbelanjaan yang sangat tinggi dan menghadkan bilangan staf yang boleh keluar Negara. Perjalanan dengan kapal terbang yang menggunakan kaedah waran perjalanan udara dimana kadar tambang (kelas ekonomi) adalah lebih tinggi berbanding tanpa menggunakan waran perjalanan udara. Bagi tambang First Class dan Business Class, kadar adalah sama bagi kedua-dua kaedah tersebut.

3.0 Peraturan Baru

- 3.1 Bagi mengurangkan perbelanjaan dan menambah bilangan staf yang berpeluang keluar negeri, semua Pusat Tanggungjawab hendaklah membuat perancangan dengan menyediakan peruntukan secara pakej yang merangkumi tambang kapal terbang harga tunai tanpa waran, elaun hotel, makan dan lain-lain bagi perjalan rasmi membentang kertas kerja dan menghadiri seminar luar negeri.

- 3.2 Semua Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi kadar yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti melalui kertas kerja Bil 5/2003 iaitu Cadangan Kadar Elaun Menghadiri Seminar / Membentang Kertas Kerja Seminar Luar Negeri (Rujuk Lampiran 1 ruang 10 seperti dilampirkan)
- 3.3 Semua proses tempahan tiket kapal terbang hendaklah di buat melalui Pejabat Pendaftar.

4.0 Surat pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

4536007

- s.k - Rektor
- Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Rektor (Akademik)
 - Ketua Audit Dalam

Perbelanjaan Bagi Perjalanan kerana Berkursus dan Urusan Rasmi di Luar Negeri

Bil	Negara	Hari	Tambang Kapal Terbang						Hotel	Makan	Lain2	Jumlah 10(3+7+8+9)	Jumlah 11(4+7+8+9)	Jumlah 12(5+7+8+9)	Jumlah 13(6+7+8+9)
			3	4	5	6	7	8							
1	United Kingdom	5	2,919.00	12,851.00	7,186.00	14,860.00	1,650.00	800.00	400.00	5,769.00	15,701.00	10,036.00	17,710.00		
2	USA (New York)	5	2,675.00	12,509.00	8,512.00	14,969.00	1,650.00	800.00	400.00	5,525.00	15,359.00	11,362.00	17,819.00		
3	Australia	5	2,140.00	7,617.00	3,447.00	8,726.00	1,250.00	700.00	400.00	4,490.00	9,967.00	5,797.00	11,076.00		
4	Japan	5	2,500.00	6,036.00	4,451.00	6,924.00	1,650.00	800.00	500.00	5,450.00	8,986.00	7,401.00	9,874.00		
5	Germany	5	3,485.00	12,046.00	6,742.00	13,827.00	1,600.00	700.00	500.00	6,285.00	14,846.00	9,542.00	16,627.00		
6	India	5	1,694.00	4,882.00	2,906.00	5,701.00	900.00	500.00	400.00	3,494.00	6,682.00	4,706.00	7,501.00		
7	Indonesia	5	885.00	1,668.00	1,256.00	1,967.00	950.00	600.00	200.00	2,635.00	3,418.00	3,006.00	3,717.00		
8	Thailand	5	1,145.00	1,582.00		1,866.00	1,150.00	500.00	300.00	3,095.00	3,532.00		3,816.00		
9	China (Beijing)	5	1,625.00	5,443.00	3,309.00	6,437.00	1,300.00	450.00	250.00	3,625.00	7,443.00	5,309.00	8,437.00		

KETERANGAN MENGENAI KADAR TAMBANG

- Ruang 3 - Harga Tunai (Tanpa Waran dan Invoice dikeluarkan oleh Agency. Bayaran dalam masa 7 hari)
- Ruang 4 - Kadar Ekonomi full Fare - (Menggunakan Waran dan kelayakan tempat duduk boleh diupgrade kepada Business Class.
- Ruang 5 - Kadar Ekonomi (Normal Fare) – (Menggunakan Waran tetapi tidak boleh upgrade. Tempahan awal perlu dibuat berdasarkan kepada jadual MAS.
- Ruang 6 - Tambang Business Class – (Harga adalah sama bagi penggunaan waran dan tanpa waran).